

TAKAFUL SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA ‘ĀQILAH DALAM MENJELASKAN PAMPASAN KEPADA PIHAK KETIGA: PERBINCANGAN ISU-ISU FIQH BERBANGKIT

Takaful as the Alternative to ‘Āqilah in Third Party Indemnity: A Study on Fiqh Related Issues

Shahidra Abdul Khalil *

Abdul Karim Ali **

Luqman Hj Abdullah ***

ABSTRACT

Since 1973, the rights of traffic accident victims in Malaysia have been protected by the law through mandatory obligation to all vehicle owners to be insured against third party risk since 1973. Despite offering a good service of preparing a promising fund as compensation for the injury or fatality inflicted upon third parties in traffic accidents, third party insurance is still considered haram (impermissible) by Islamic scholars due to its non-compliant operation with several Islamic principles. As an alternative, Takaful which is in line with the Islamic principle of mutual assistance has been financially institutionalised in 1984 in Malaysia. In terms of

-
- * Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, shahidra@um.edu.my
 - ** Assoc Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, abdkarim@um.edu.my
 - *** Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, luqmanabdullah@um.edu.my

Takaful's role in indemnifying compensation for third parties in accident cases, many contemporary scholars associate the concept of Motor Takaful with 'āqilah. Therefore this paper aims to study the relation between Takaful and 'āqilah. Is Takaful a compatible analogy (qiyās) to 'āqilah or does it only serve as an alternative to the institution which is non-existent in the modern world as its form was in the early days of Islam. Furthermore, several issues relating to 'āqilah's role in paying diyāt to the third party is discussed such as the membership of 'āqilah. As Islamic scholars opine that 'āqilah's members must be from the same religion, must the same requirement be applied to Takaful? Based on comparative analysis, the study has shown that although Takaful and 'āqilah are based on mutual cooperation or al-tanāṣur principle, there are significant differences between the concepts of these two institutions. Hence, Takaful is not analogical to 'āqilah but an alternative only. Therefore, Takaful operation is not bound to all the rulings in 'āqilah. This also denotes that Motor Takaful fund which is contributed by the participants, be it Muslims or non-Muslims may be used as compensation to the third party on behalf of the negligence of any Takaful participants in their driving.

Keywords: *Takaful, 'Āqilah, Diat, Pihak Ketiga, Kemalangan Jalan Raya*

PENDAHULUAN

Perlindungan terhadap pihak ketiga iaitu mangsa dalam kemalangan jalan raya di Malaysia telah diperundangkan bermula daripada tahun 1937 oleh Kerajaan Negeri-negeri Bersekutu dan pada tahun 1938 bagi Negeri-negeri Selat, Johor, Kedah dan Terengganu. Semua pemilik kenderaan diwajibkan mengambil insurans untuk memastikan ada peruntukan dana yang boleh diberikan sebagai pampasan kepada mangsa yang tercedera atau

terbunuh dalam sesebuah kemalangan jalan raya. Peruntukan berkenaan kewajipan pengambilan insurans pihak ketiga di negeri-negeri Melayu kemudiannya diseragamkan selepas penubuhan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu melalui Ordinan Lalulintas Jalan 1958.¹ Peruntukan ini kemudian diluaskan pemakaianya ke Sabah dan Sarawak selepas pembentukan Malaysia. Kemudian, ordinan ini digantikan dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 menerusi seksyen 90 (1) yang terpakai sehingga kini.²

Walaupun insurans motor pihak ketiga diwujudkan atas tujuan yang baik, insurans ini dihukumkan haram oleh majoriti fuqaha kerana tidak menepati syariat. Ini kerana operasi syarikat insurans mengandungi unsur seperti riba dan ketidakpastian dalam aqad (*gharār*).³ Sebagai alternatif, sistem insurans Islam telah diperkenalkan di Malaysia melalui penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada tahun 1984.⁴ Sehingga kini, terdapat 11 pengendali Takaful di Malaysia⁵ yang sebahagiannya menyediakan

¹ Baduyah bt. Obeng, “Insurans Motor Pihak Ketiga yang Diwajibkan di Malaysia”, *[1998] 1 CLJ Supp* i.

² Seksyen 90 (1), Akta Pengangkutan Jalan 1987: “Tertakluk kepada Bahagian ini adalah tidak sah bagi mana-mana orang menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan sesuatu kenderaan motor melainkan jika ada berkuatkuasa berhubungan dengan penggunaan kenderaan motor itu oleh orang itu atau oleh orang lain tersebut, mengikut mana yang berkenaan, suatu polisi insurans atau apa-apa jaminan berkenaan dengan risiko pihak ketiga yang mematuhi kehendak-kehendak Bahagian ini.”

³ Wan Marhaini Wan Ahmad, et. al, “Riba dan Gharar dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh”, *Jurnal Fiqh* 2 (2005): 98.

⁴ Idris Awang dan Syukriyyah Zakaria, “The Conception and Response of Muslim Community to Takaful Schemes: A Case Study in Bagan Serai, Perak”, *Jurnal Fiqh* 2 (2005): 3.

⁵ Sebagaimana yang dikemaskini di laman sesawang rasmi Bank Negara Malaysia pada 22 Ogos 2014, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&fund=0&cu=0>, capaian pada 8 April 2015. Syarikat Takaful tersebut ialah AIA PUBLIC Takaful Bhd, AmMetLife Takaful Berhad, Etiqa Takaful Berhad, Great Eastern Takaful Berhad, HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad, Hong Leong MSIG Takaful Berhad, MAA Takaful Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Sun Life Takaful Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Ikhlas Berhad.

perlindungan Takaful Motor⁶ dan disertai oleh masyarakat Islam mahupun bukan Islam.⁷

Takaful menepati syariat kerana bebas daripada unsur-unsur yang diharamkan. Operasinya juga berlandaskan kepada prinsip tolong-menolong yang dikaitkan dengan institusi ‘aqilah dalam perundangan Islam.⁸ Bahkan ramai sarjana Islam kontemporari yang menamakan Takaful sebagai institusi semasa terbaik bagi memainkan peranan institusi ‘āqilah⁹ yang sudah tidak wujud seperti mana di zaman awal Islam dahulu.¹⁰ Ini kerana wujud persamaan ‘illah (sebab atau alasan di sebalik penetapan sesuatu hukum syarak) di antara institusi ‘āqilah dan Takaful iaitu *al-tanāṣur* atau tolong menolong di kalangan anggota-anggotanya. Bagi institusi ‘āqilah, anggota-anggota ‘āqilah mengambil peranan menjelaskan diat (bayaran ganti rugi bagi kehilangan nyawa atau anggota tubuh badan yang nilainya bersamaan seratus ekor unta) kepada pihak mangsa bagi meringankan beban anggotanya yang menghilangkan nyawa atau mencederakan secara tidak sengaja.

⁶ Mohd Faiz Mohamed Yusof, et. al, “Potensi Keterdedahan Risiko Syariah Syarikat Pengendali Takaful Terpilih di Malaysia, *Islāmiyyāt* 37 (2)(2015): 114.

⁷ http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=fs_mfs&pg=fs_mfs_bank, capaian pada 8 April 2015.

⁸ Mohd Ma’sum Billah, *Shari’ah Standard of Quantum of Damages in Insurance (Third Party Claim) A Handbook for Actuaries and Accountants* (Selangor: Ilmiah Publisher, 2003), 3.

⁹ ‘Āqilah adalah keluarga besar pihak pelaku salah yang menanggung pembayaran diat kepada pihak mangsa yang cedera atau kehilangan nyawa akibat kecuaian pelaku salah. Perbincangan terperinci berkenaan ‘āqilah dibincangkan dalam subtopik seterusnya.

¹⁰ Al-‘Umārī, ‘Abd al-Qādir Muḥammad, “Ḥawādith al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (Jeddah: Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, 1994), 2:293; Muḥammad ‘Atā al-Sid Sid Alḥmad, “Ḥawādith al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (Jeddah: Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, 1994), 2: 327; Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam,” Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005, 252; Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia,” Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Bagi institusi Takaful pula, Syarikat Takaful bertanggungjawab menjelaskan pampasan yang diputuskan mahkamah kepada pihak ketiga atau mangsa kemalangan jalan raya atas kecuaian yang dilakukan oleh peserta Takaful Motor.

Persoalannya ialah apakah kedudukan syarikat Takaful berbanding institusi ‘āqilah? Adakah syarikat Takaful boleh diqiyāskan¹¹ kepada ‘āqilah di zaman moden? Justeru, hukum yang ditetapkan berkenaan ‘āqilah juga perlu diterapkan ke dalam Takaful? Antaranya seperti keanggotaan ‘āqilah yang disyaratkan mesti daripada kalangan pengikut agama yang sama. Dalam realiti semasa, adakah ini bermaksud bahawa caruman peserta Islam dan bukan Islam perlu diasingkan agar menepati syarat keanggotaan ‘āqilah tersebut? Artikel ini, membincangkan tentang kedudukan pengendali Takaful sama ada merupakan *qiyyās* kepada institusi ‘āqilah di zaman moden. Perbincangan dimulakan dengan ‘āqilah dan skop tanggungannya serta unsur tolong-menolong yang menjadi ‘illah tanggungan liabiliti ke atasnya. Seterusnya, liabiliti pengendali Takaful dibincangkan. Akhirnya, kedua-dua institusi penanggung liabiliti ini dibandingkan dan hukum yang berbangkit daripadanya dibincangkan.

Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan teoritikal, data-data bagi kajian ini diperolehi daripada sumber-sumber primer yang terdiri daripada al-Quran dan hadis. Rujukan hadith dibuat menggunakan kompilasi hadith *Sunan Sittah*. Perbincangan fiqh berkenaan topik kajian pula dirujuk kepada kitab-kitab fiqh yang muktabar daripada empat mazhab. Kitab-kitab fiqh kontemporari dan fatwa sarjana Islam semasa juga dirujuk. Dalam keadaan ketiadaan bahan-bahan secara bercetak ditemui di perpustakaan, perisian *al-Maktabah al-Syāmilah* turut digunakan. Data berkenaan undang-undang yang digunakan di Malaysia pula, diperolehi daripada statut terkini yang diterbitkan.

¹¹ *Qiyas* bermaksud menyamakan sesuatu masalah yang tidak terdapat nas di atas hukumnya dengan masalah yang terdapat nas hukumnya. Persamaan itu ialah dari segi hukum yang telah dinaskan kerana wujud persamaan kedua-dua masalah itu pada ‘illah hukum. Persamaan ini dinamakan *qiyyas*. Sila rujuk Mohd Saleh Haji Ahmad, *Pengantar Syari’at Islam* (Kepong: Pustaka Haji Abdul Majid), 117 – 118.

Pangkalan data *Law of Malaysia* (LOM) dalam laman sesawang rasmi Jabatan Peguam Negara juga dimanfaatkan.

Analisis data pula dilakukan secara induktif, deduktif dan komparatif. Bagi merumuskan konsep tanggungan liabiliti ‘āqilah menurut perundangan Islam, data daripada sumber perundangan Islam dan literatur fiqh mazhab dianalisis secara induktif dan deduktif. Kepelbagaiannya pendapat fuqaha pula dianalisis secara komparatif sebelum sesuatu pendapat dipilih. Pemilihan pendapat fuqaha dilakukan bersesuaian dengan realiti semasa dan maslahah. Penulis tidak terikat dengan pandangan daripada mazhab Syafie semata-mata. Analisis komparatif juga dilakukan dalam membandingkan peranan institusi Takaful semasa di Malaysia dengan perundangan Islam. Pada bahagian awal, konsep ‘āqilah dan prinsipnya dibincangkan terlebih dahulu dengan diikuti dengan perbincangan mengenai institusi Takaful semasa secara berasingan bagi memberikan gambaran menyeluruh.¹² Pada bahagian seterusnya, perbandingan di antara kedua-dua konsep dibandingkan sekali bagi merumuskan persamaan dan perbezaan di antara keduanya dengan lebih jelas.¹³

‘ĀQILAH SEBAGAI PENANGGUNG LIABILITI DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Terminologi ‘āqilah lahir daripada kata akar ‘aqala yang bermaksud mengikat atau menambat dengan menggunakan ‘iqal iaitu sejenis tali tambatan yang biasanya digunakan ke atas unta.¹⁴ Unta sebagai bayaran diat dalam budaya masyarakat arab, selalunya dihantar oleh keluarga pelaku salah dengan

¹² Bentuk perbincangan perbandingan begini dinamakan *block method* atau *text-by-text method*. Kerry Walk, “How to Write a Comparative Analysis”, laman sesawang Harvard College Writing Center, <http://writingcenter.fas.harvard.edu/pages/how-write-comparative-analysis>, dicapai pada 5 Oktober 2017.

¹³ Bentuk perbincangan perbandingan ini dinamakan *alternating method* atau *point-by-point method*. Kerry Walk, “How to Write a Comparative Analysis”, laman sesawang Harvard College Writing Center, <http://writingcenter.fas.harvard.edu/pages/how-write-comparative-analysis>, dicapai pada 5 Oktober 2017.

¹⁴ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, s.v. “‘aql”.

menambatnya di rumah wali mangsa. Unta-unta yang diserahkan dengan jalan ini disebut sebagai *al-‘aql*.¹⁵ Kekerapan sebutan lafaz *al-‘aql* bagi merujuk kepada makna diat, menyebabkan lafaz tersebut kemudian dirujuk maknanya sebagai diat. Lafaz ‘āqilah pula digunakan merujuk kepada makna pembayar diat tersebut. Selain itu, *al-‘aql* juga bermaksud menegah. Keluarga pelaku salah dinamakan sebagai ‘āqilah kerana bayaran diat mereka menghalang pertumpahan darah akibat amalan membala dendam yang biasa berlaku pada zaman Jahiliyyah.¹⁶

Dalam masyarakat Arab Jahiliyyah, institusi ‘āqilah ini terbentuk berdasarkan struktur sosial mereka yang hidup dalam kabilah dan berpuak-puak. ‘Āqilah seseorang adalah kabilahnya¹⁷ iaitu sebuah keluarga besar yang tidak terhad kepada mereka yang mempunyai hubungan nasab atau persaudaraan sahaja. Ini kerana sesuatu kabilah juga boleh dianggotai oleh lima kumpulan anggota yang tidak mempunyai perkaitan nasab.¹⁸ Dengan kepelbagaiannya anggota dalam sesuatu kabilah, apa yang mengikat hubungan di antara mereka adalah perjanjian yang mesti diucap dan disaksikan oleh semua anggota kabilah tersebut. Ia jelas bertindak sebagai satu kontrak sosial antara ahli kabilah. Lafaz perjanjian tersebut antaranya adalah seperti berikut:

دَمِيْنِ دَمْكَ، وَتَأْرِيْنِ تَأْرَكَ، وَخَرْبِيْنِ حَرْبَكَ، وَسَلْمِيْنِ سَلْمَكَ،
تَرْثِيْنِ أَرْتُنَكَ، تَطْلُبِيْنِ وَأَطْلَبُ بِكَ، وَتَعْقِلُنِ عَيْنِ وَأَعْقِلُ

¹⁵ *Al-Mawsū ‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, t.t), s.v “‘āqilah”.

¹⁶ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, s.v “‘aql”; *Al-Mawsū ‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, s.v “‘āqilah”.

¹⁷ Ahli tersebut antaranya adalah ahli kabilah lain yang berpindah masuk ke dalam kabilah tersebut secara sukarela, ahli kabilah lain yang dilucutkan keahliannya justeru bergabung serta meminta perlindungan dengan kabilah baru, ahli menerusi perkahwinan dengan ahli kabilah, ahli melalui penyertaan hamba yang merdeka sama ada dengan menebus diri sendiri atau dimerdekakan oleh tuannya. Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia,” 126.

¹⁸ Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia,” 126.

١٩ عنك

Terjemahan: “Darahku adalah darahmu, dendamku adalah dendammu, musuh peperanganku adalah musuh peperanganmu, damaiku adalah damaimu, kamu mewarisi hartaku dan aku juga mewarisi hartamu, kamu boleh menuntut sesuatu dengan khidmatku dan aku boleh menuntut sesuatu dengan khidmatmu, kamu menjadi ‘āqilah kepadaku dan aku menjadi ‘āqilah kepadamu.”

Lafaz perjanjian ini menggambarkan bentuk hubungan timbal balas yang berlaku dalam sesuatu kabilah. Ia menjelaskan peranan yang perlu dimainkan oleh anggota-anggotanya. Antaranya, menjadi pembela kepada anggota kabilah dengan menuntut bela atas pencerobohan hak yang berlaku ke atas ahlinya. Kedua, menjadi ‘āqilah jika jalan perdamaian yang diambil. Ketiga, menjadi penolong dalam keadaan susah dan senang. Keempat menjadi pewaris antara satu sama lain. Kesimpulannya, peranan yang termeterai melalui perjanjian setia ini adalah tolongan dalam keadaan susah dan senang.

Uruf dalam masyarakat Arab Jahiliyyah ini diterima selepas kedatangan Islam. Dalam sebuah kes pembunuhan secara separuh sengaja, Nabi Muhammad SAW memutuskan tanggungan diat bagi kematian seorang wanita dan bayi di dalam kandungannya ke atas ‘āqilah pembunuh. Ini dinyatakan melalui hadis berikut:

أَنْ امْرَأَةً ضَرَبَتْ ضَرَبَتْهَا بِعَمُودٍ فَسُطَاطِ فَقَتَلَتْهَا وَهِيَ حُبَّى فَأَتَى فِيهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى عَصَبَةِ الْقَاتِلَةِ بِالدَّيَّةِ وَفِي الْجَنِينِ عُرَّةً فَقَالَ عَصَبَتْهَا أَدِيَ مَنْ لَا طَعْمَ وَلَا شَرِبَ وَلَا صَاحَ فَاسْتَهَلَ فَمِثْلُ هَذَا يُطَلَّ فَقَالَ

¹⁹ Sunan al-Nasā’ī al-Ṣughrā, Bāb Diyyah Janīn al-Mar’ah, Hadith no. 4825.

النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْخَعَ كَسْحَعَ الْأَعْرَابِ²⁰

Terjemahan: “Bahawa seorang wanita telah memukul madunya yang sedang hamil dengan tiang khemah lalu madunya terbunuh. Maka didatangkan hal ini kepada Nabi SAW. Rasulullah SAW lalu memutuskan diat wanita itu ke atas ‘aşabah pembunuhan tersebut dan ghurrah (memerdekaan seorang budak atau nilainya bersamaan dengan 1/20 diat iaitu lima ekor unta) bagi bayinya. Maka berkatalah ‘aşabah wanita itu, adakah kami dikenakan diat bagi bayi yang tidak makan dan tidak minum, tidak bersuara dan belum lahir seperti yang gugur ini? Nabi SAW lalu bersabda: Adakah dia bersajak seperti sajak orang-orang Arab?”

Melalui hadis di atas, dapat difahami bahawa Nabi SAW memutuskan tanggungjawab menjelaskan diat ke atas ‘aşabah (kaum kerabat lelaki sebelah lelaki)²¹ wanita yang telah membunuh madunya secara separuh sengaja. Berdasarkan hadith ini, mazhab Syafie mentafsirkan ‘aşabah daripada sebelah bapa sebagai ‘āqilah.²² Oleh kerana itu, wanita bukan merupakan anggota ‘āqilah kerana mereka bukan ‘aşabah walaupun mereka kaya dan berkemampuan. ‘Aşabah yang berliabiliti menjelaskan diat adalah ‘aşabah yang terdekat. Kemudian diikuti dengan ‘aşabah yang jauh dan lebih jauh sehingga galah bayaran diat dapat dijelaskan.

²⁰ Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’ bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’ūdiyyah, *Abḥath Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, (al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28), 4: 201.

²¹ Menurut istilah syarak, ‘aşabah adalah waris yang berhak mendapat pusaka tanpa ditetapkan bahagiannya, tetapi berhak mendapat semua harta atau baki yang ada setelah setiap waris menerima bahagian masing-masing, atau dia mungkin tidak mendapat apa-apa sekiranya waris yang lain telah menghabiskan semua harta berkenaan. Contoh ‘aşabah adalah anak lelaki, anak lelaki kepada anak lelaki, bapa, bapa kepada bapa, saudara lelaki seibu sebapa dan anak lelakinya dan saudara lelaki sebapa. Sila rujuk Mohd Faez bin Mohd Shah al-Hashimi, *Sistem Perwarisan Menurut Islam* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2013), 105 -109.

²² Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’, *Abḥath Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, 4: 203.

Apabila seorang daripada Bani ‘Abd Manaf melakukan kesalahan yang menghilangkan nyawa atau mencederakan seseorang sehingga mewajibkan diat contohnya, tanggungan diat tersebut dipikulkan secara kolektif ke atas Bani ‘Abd Manaf. Sekiranya diat tersebut tidak dapat dijelaskan sepenuhnya, maka tanggungannya ditanggungkan bersama dengan Bani Qusai. Sekiranya diat masih belum dapat dijelaskan, tanggungan diat dipikulkan lagi ke atas ‘aṣabah yang lebih jauh iaitu Bani Kilab. Tanggungan diat kemudian dipikulkan pula kepada Bani Murrah, kemudian diikuti dengan Bani Ka‘ab dan ke atas sehingga alhabis semua ‘aṣabah atau diat yang bernilai 100 ekor unta dapat dijelaskan.²³

Bagi orang bukan Islam pula, para fuqaha berselisih pandangan tentang tanggungan diat mereka. Satu pandangan dalam mazhab Syafie menegaskan bahawa hukum ‘āqilah tidak terpakai ke atas orang bukan Islam. Ini kerana ia merupakan hak Muslim secara khusus yang bertujuan memberikan keringanan dan membantu mereka.²⁴ Walau bagaimanapun, pandangan jumhur dalam hal ini adalah lebih kuat iaitu diat mereka ditanggung oleh ‘āqilah mereka. Ini kerana orang bukan Islam juga terikat dengan hukum-hakam muamalat dan perundangan dalam sebuah negara Islam. Unsur tolong-menolong juga wujud sesama mereka.²⁵ Ia juga menepati tujuan syara’ dalam memelihara kemuliaan manusia dan mengelakkan berlakunya pertumpahan darah dan pencerobohan hak secara sia-sia tanpa pembelaan.

Berkenaan liabiliti ‘āqilah, para fuqaha bersepakat bahawa ‘āqilah bertanggungan menjelaskan diat bagi kehilangan nyawa dan kecederaan anggota sahaja. *Damān* atau ganti rugi bagi kerosakan harta benda dan kerugian material tidak menjadi tanggungjawab ‘āqilah, sebaliknya perlu dijelaskan sendiri oleh pelaku salah. Namun, para fuqaha berselisih pandangan mengenai nilai diat yang menyebabkan tanggungan dipikulkan ke atas ‘āqilah. Dalam Mazhab Hanafi, tanggungan diat hanya akan ditanggungkan ke atas ‘āqilah sekiranya nilai tersebut mencapai

²³ Ahmad Fathī Bahnaṣī, *al-Diyat fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, c.4 (Qahirah: Dār al-Syurūq, 1984), 76.

²⁴ Syams al-Dīn al-Sarakhsī, *al-Mabsūt* (Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, t.t), 26: 133.

²⁵ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 133.

1/20 diat. Ini diqiyaskan kepada nilai *ghurrah* janin bayi yang diputuskan oleh Nabi SAW ditanggung oleh ‘*āqilah* pelaku. Diat yang kurang daripada 1/20 pula ditanggungkan ke atas pelaku sendiri.²⁶ Mazhab Maliki dan Hanbali pula menetapkan kadar minimum 1/3 diat untuk membolehkan tanggungan beralih ke atas ‘*āqilah*. Pandangan ini bersandarkan kepada hadith *mursal* yang disokong dengan *athar* Umar RA dan uruf yang berlaku dalam masyarakat Arab berkenaan tanggungan diat.²⁷ Mereka juga berhujah bahawa tanggungan sebenar diat adalah ke atas pelaku. Pengecualian diberikan melalui tanggungan beralih hanya apabila nilainya banyak iaitu mencapai 1/3 diat. Had ini diqiyāskan kepada had dalam urusan wasiat.²⁸

Walau bagaimanapun, tiada nilai minimum disyaratkan dalam mazhab Syafie. ‘*Āqilah* ditanggungkan dengan liabiliti menjelaskan diat, sama ada sedikit atau banyak nilainya. Mereka berhujah menggunakan *qiyyās*. Diat kehilangan nyawa yang besar jumlahnya ditanggungkan ke atas ‘*āqilah* oleh Nabi SAW. Oleh kerana itu, diat yang kecil juga perlu ditanggungkan ke atas ‘*āqilah*. Tanggungan ke atas ‘*āqilah* secara keseluruhan nilainya bagi perbuatan cuai atau tidak sengaja ini, diqiyāskan juga dengan diat akibat perbuatan sengaja yang ditanggungkan ke atas pelaku sendiri sama ada banyak atau sedikit nilainya.²⁹

Walaupun ‘*āqilah* bertanggungan menjelaskan diat, liabiliti ke atas mereka bukan bersifat muktamad. Tanggungan liabiliti berlaku secara bersyarat. Kewajipan anggota ‘*āqilah* menjelaskan diat boleh gugur jika mereka tidak lagi berkemampuan menjelaskan diat. Umpamanya anggota ‘*āqilah* yang kaya menjadi miskin, anggota yang waras kehilangan akal dan kematian anggota ‘*āqilah* setelah pembahagian kadar diat ditetapkan ke atas mereka. Jika anggota ini tidak sempat menjelaskan sebahagian kadar diat

²⁶ Najm ‘Abd Allāh Ibrāhīm al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dubai: Dār al-Buhūth li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa Ihyā’ al-Turāth, 2002), 422 dan 423.

²⁷ Al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf fī al-Fiqh al-Islāmī*, 423-424.

²⁸ Al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf fī al-Fiqh al-Islāmī*, 423-425; Ahmad Fathī Bahnasī, *al-Diyat fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, 71.

²⁹ Al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf fī al-Fiqh al-Islāmī*, 425; Ahmad Fathī Bahnasī, *al-Diyat fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, 72.

mereka sebelum ditimpa keuzuran yang dinyatakan, tanggungan tersebut digugurkan dan tidak menjadi hutang.³⁰

AL-TANĀŞUR DALAM INSTITUSI ‘ĀQILAH

Pembayaran diat oleh ‘āqilah adalah merupakan satu pengecualian kepada kaedah umum dalam perundangan Islam iaitu *syakhsiyah al-mas’uliyyah*³¹ atau tanggungan perseorangan.³² Kaedah ini bermaksud hanya pelaku salah sahaja yang perlu dipertanggungjawabkan atas perbuatannya. Bagi kesalahan menghilangkan nyawa dan mencederakan secara tidak sengaja, tanggungjawab menjelaskan diat dipikulkan ke atas ‘āqilah,

³⁰ ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, *al-Tasyrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Wadhī* (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 2: 197.

³¹ ‘Awdah, *al-Tasyrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī*, 394.

³² Subhi Mahmasani, *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman Khulafa’ al-Rashidin*, terj. Md Som Sujimon (ttp: IIUM Press, 2009), 12. Selain ‘tanggungan perseorangan’, terdapat beberapa istilah terjemahan yang digunakan oleh penulis terdahulu. Antaranya ‘tanggungjawab individu’ yang digunakan oleh Siti Zubaidah atau ‘doctrine of individual criminal responsibility’ oleh Liaquat dan ‘tanggungan tegas’ oleh Abdul Basir. Sila rujuk Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam”, 216; Abdul Basir Mohamad, *Undang-undang Tort Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 43; Liaquat Ali Khan Niazi, *Islamic Law of Tort* (Lahore: Research Cell Dayal Singh Trust Library, 1988), 340; Sayed Sikandar Shah Haneef, *Homicide in Islamic Legal Structure and The Evidence Requirements* (Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2000), 151.

bukan ke atas pelaku salah sendiri.³³ Ini diistilahkan oleh sarjana Muslim kontemporari sebagai tanggungan liabiliti beralih.³⁴

Tanggungan liabiliti beralih ke atas ‘āqilah bagi memastikan hak mangsa terjamin melalui pembayaran diat oleh institusi yang lebih berkemampuan, berbanding seorang pelaku salah secara persendirian.³⁵ Ini kerana nilai diat adalah besar dan sukar untuk dijelaskan secara berseorangan oleh pelaku terutamanya bagi pelaku yang miskin. Islam amat menitik beratkan kehormatan nyawa, tubuh badan serta harta benda manusia, justeru memberikan pengecualian kepada kaedah tanggungan persendirian agar keadilan bagi pihak mangsa dapat ditegakkan.

Melalui hadis, dapat difahamkan bahawa tanggungan beralih ke atas ‘āqilah bukan ditetapkan atas sebab faedah kehartaan yang bakal diterima oleh anggota ‘āqilah:

جعل رسول الله صلى الله عليه وسلم الدية على عاقلة
القاتل. فقالت عاقلة المقتولة يا رسول الله ميراثها لنا. قال:
(لا، ميراثها لزوجها ولولدها)³⁶

Terjemahan: “Rasulullah SAW telah menjadikan tanggungan diat ke atas ‘āqilah pembunuh. Maka ‘āqilah mangsa lalu berkata: “Wahai Rasulullah, jika begitu harta warisan si mangsa adalah kepada kami” Jawab baginda SAW: “Tidak, harta warisannya adalah untuk suami dan anaknya.”

³³ ‘Alī al-Khfīf, *al-Damān fī al-Fiqh al-Islāmī* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 2000), 321.

³⁴ Muhammad Muslehuddin, *Concept of Civil Liability in Islam and The Law of Torts* (Lahore: Islamic Publications Ltd., 1982), 62; Abdul Basir Mohamad, *Undang-undang tort Islam*, h. 67. Tanggungan beralih bermaksud liabiliti undang-undang untuk tort atau jenayah yang dilakukan oleh seseorang ditanggungkan ke atas orang lain sungguhpun penanggung liabiliti beralih ini tidak salah secara peribadi. *Kamus Undang-undang* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1995) h. 596.

³⁵ ‘Awdaḥ, *al-Tasyrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī*, 2: 237.

³⁶ *Sunan Abū Dāwūd*. Kitāb al-Diyāt, Bāb Diyyat al-Janīn, no. hadith 4575.

قضى رسول الله صلى الله عليه وسلم أن يعقل المرأة عصبتها
من كانوا. ولا يرثوا منها شيئاً. إلا ما فضل عن ورثتها^{٣٧}

Terjemahan: “Nabi SAW memutuskan ‘aşabah wanita tersebut untuk menanggung bebanan diatnya. Mereka ialah saudara maranya yang tidak mewarisi hartanya melainkan jika ada lebihan daripada ahli waris yang lain.”

Dalam kes ‘aşabah, faedah kehartaan dalam perwarisan hanya menjadi bonus sahaja sekiranya wujud lebihan dalam harta warisan dan hak ‘aşabah untuk mendapat warisan terhalang dengan kewujudan ‘aşabah yang lebih hampir seperti anak lelaki. Justeru, para fuqaha berpandangan bahawa tanggungan diat ke atas ‘aşabah ini adalah disebabkan semangat tolong-menolong (*al-tanāṣur*) yang kuat sesama mereka. Atas kefahaman kontekstual bahawa tanggungan ke atas ‘āqilah berlaku atas asas tolong-menolong (*al-tanāṣur*), Saidina Umar RA telah menjadikan *dīwān* sebagai ‘āqilah pada zaman pemerintahannya. Ketiadaan tentangan daripada para sahabat pada waktu itu menjadikan keputusan Saidina Umar r.a tersebut sebagai satu *ijmā’ sahābi*.³⁸

Para fuqaha mazhab Hanafi kemudian meluaskan pengertian ‘āqilah kepada golongan profesional (*ahl al-hirfah*) dan ahli sesuatu perikatan atau perjanjian (*al-ḥilf*) tertentu sekiranya asas tolong-menolong wujud di kalangan mereka.³⁹ Tafsiran ini walau bagaimanapun, tidak disokong oleh para fuqaha mazhab Syafie yang membataskan pengertian ‘āqilah kepada ‘aşabah berpandukan pengertian literal daripada hadith-hadith Nabi SAW.

Dalam realiti semasa, hubungan kekeluargaan di antara ‘aşabah semakin longgar dan semangat tolong-menolong sesama

³⁷ *Sunan Ibn Mājjah*. Kitāb al-Diyāt, Bāb mā ‘Aqala al-Mar’ah ‘alā ‘Aṣabatihā wa Mirāthihā li Waladīhā, no. hadith 2647.

³⁸ Lukman Abdul Mutalib, Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia”, 149.

³⁹ Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn Ibn Ibrāhīm, *al-Bahr al-Rā’iq Syarḥ Kanz al-Daqā’iq fī Furū’ al-Ḥanafiyah li ‘Abd Allāh Ibn Ahmad Ibn Maḥmūd al-Ma’rūf bi Ḥāfiẓ al-Dīn al-Nasafī* (Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997), 8: 56.

mereka semakin lemah. Kes-kes melibatkan kehilangan nyawa dan kecederaan secara tidak sengaja khususnya melalui kemalangan jalan raya pula, semakin banyak berlaku. Dalam konteks ini, para sarjana Muslim kontemporari cenderung menamakan Takaful sebagai alternatif kepada institusi ‘āqilah bagi pemandu yang cuai dalam kes kemalangan jalan raya.⁴⁰ Ini kerana Takaful terbina atas asas yang sama dengan institusi ‘āqilah iaitu persaudaraan, kesatuan dan saling bantu-membantu dalam kalangan peserta.⁴¹ Tambahan pula, penyertaan terhadap Takaful dan insurans juga adalah diwajibkan ke atas setiap pemilik kenderaan di kebanyakan negara.

LIABILITI PENGENDALI TAKAFUL DALAM MENJELASKAN PAMPASAN KEPADA PIHAK KETIGA DI MALAYSIA

Perubahan zaman yang berlaku khususnya kerancakan industri, perusahaan dan kemunculan kenderaan bermotor, melahirkan institusi insurans. Fungsi institusi ini adalah bagi memastikan wujud dana khusus yang boleh diperuntukkan sebagai pampasan kepada mangsa kemalangan yang terbunuh atau tercedera akibat perbuatan pemandu cuai. Bagi memenuhi tujuan ini, caruman insurans telah diwajibkan bagi semua pemilik kenderaan.⁴² Di Malaysia, kewajipan ini termaktub dalam seksyen 90 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987).⁴³ Caruman yang

⁴⁰ Al-‘Umārī, ‘Abd al-Qādir Muḥammad, “Ḥawādith al-Sayr”, 2:293; Muḥammad ‘Atā al-Ṣīd Ṣīd Aḥmad, “Ḥawādith al-Sayr”, 2: 327; Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Pampasan”, 252.

⁴¹ Akta Takaful 1984 (Akta 312), Bahagian 1, Seksyen 2.

⁴² Mahinder Singh Sidhu, *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor dan Hak Pihak Ketiga*, terj. Asiah Mohd. Yusoff (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 8.

⁴³ Seksyen 90 (1) menyatakan: “Tertakluk kepada Bahagian ini adalah tidak sah bagi mana-mana orang menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan sesuatu kenderaan motor melainkan jika ada berkuat kuasa berhubungan dengan penggunaan kenderaan motor itu oleh orang itu atau oleh orang lain tersebut, mengikut mana yang berkenaan, suatu polisi insurans atau apa-apa jaminan berkenaan dengan risiko pihak ketiga yang mematuhi kehendak Bahagian ini.”

diwajibkan ialah bagi perlindungan asas pihak ketiga seperti yang diperuntukkan melalui seksyen 91(1)(b) berikut:

“Bagi mematuhi kehendak Bahagian ini, sesuatu polisi insurans mestilah suatu polisi yang —

menginsuranskan bagi seseorang atau kumpulan orang sebagaimana dinyatakan dalam polisi itu berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang ditanggung olehnya atau oleh mereka berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana orang yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada penggunaan kenderaan motor itu atau perkakas tanah yang ditarik olehnya di jalan”

Peruntukan di atas menetapkan bahawa bentuk caruman Takaful kenderaan yang diwajibkan ke atas pemilik kenderaan ialah terhadap risiko kematian dan kecederaan pihak ketiga. Perlindungan lain yang ditawarkan oleh pengendali Takaful seperti ke atas risiko kecurian kenderaan, risiko kerosakan cermin hadapan, kerosakan akibat banjir dan lain-lain adalah bersifat pilihan. Peruntukan di atas juga menjelaskan bahawa liabiliti pengendali Takaful hanya timbul bagi kemalangan yang berlaku di atas jalan. Apa yang dimaksudkan dengan jalan ialah jalan raya awam sebagaimana yang ditafsirkan melalui seksyen 2 akta yang sama.⁴⁴

Melalui peruntukan di atas juga, dapat difahami secara umum bahawa pihak ketiga yang dilindungi oleh Takaful adalah mana-mana orang yang menjadi mangsa kemalangan jalan raya selain daripada pemegang polisi atau sijil Takaful. Namun, pengertian umum ini dibataskan melalui perenggan (aa), (bb) dan (cc) dalam seksyen 91 (1) (b) APJ 1987 berikut:

⁴⁴ “jalan” ertiannya— mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberi kesan sepenuh kepada penggunaannya.

“Dengan syarat bahawa polisi itu tidak dikehendaki melindungi—

(aa) liabiliti berkenaan dengan kematian akibat daripada dan dalam perjalanan pekerjaan seseorang yang bekerja dengan orang yang diinsuranskan oleh polisi itu atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang itu akibat daripada dan dalam perjalanan pekerjaannya; atau

(bb) kecuali dalam hal kendaraan motor yang membawa penumpang- penumpang untuk sewa atau upah atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang-orang yang dibawa di dalam atau di atas kendaraan itu atau yang memasuki atau menaiki atau turun daripadanya semasa berlakunya kejadian itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut; atau

(cc) apa-apa liabiliti kontraktual.”

Melalui peruntukan di atas, dapat difahami dengan jelas bahawa perlindungan Takaful kepada mangsa kemalangan jalan raya di Malaysia tidak menyeluruh kepada semua golongan. Golongan yang tidak termasuk dalam pengertian pihak ketiga di Malaysia antaranya ialah penumpang kendaraan persendirian iaitu kendaraan yang diinsuranskan tersebut. Penumpang yang dilindungi pula adalah penumpang kendaraan awam berbayar yang diinsuranskan sahaja. Golongan pekerja yang dilindungi Takaful pula ialah yang terikat dengan kontrak pekerjaan yang memberikan hak kepada mereka untuk menaiki kendaraan tersebut.⁴⁵ Pekerja bagi pemegang polisi semata-mata tidak menjadikannya sebagai pihak ketiga. Justeru, pekerja ini tidak mendapat perlindungan Takaful jika kemalangan berlaku dalam perjalannya untuk melaksanakan pekerjaan. Pekerja atau kontraktor bebas juga tidak

⁴⁵ Seperti yang diputuskan dalam kes Tan Keng Hong & Anor v. New India Insurance Co. Ltd [1978] 1 MLJ 97.

mendapat perlindungan Takaful kerana tidak tergolong dalam pengertian pihak ketiga.⁴⁶

Apabila kemalangan jalan raya berlaku melibatkan kenderaan yang diinsuranskan dengan pihak ketiga, pengendali Takaful bertanggungjawab menjelaskan pampasan yang diputuskan oleh mahkamah. Ini diperuntukkan melalui seksyen 96 (1) APJ 1987 berikut:

“Jika, setelah suatu perakuan insurans diserahkan di bawah subseksyen (4) seksyen 91 kepada orang yang kepadanya sesuatu polisi telah dikuatkuasakan, penghakiman berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 91(iaitu liabiliti yang dilindungi oleh terma-terma polisi itu) diberi terhadap mana-mana orang yang diinsuranskan oleh polisi itu, maka walau apa pun penanggung insurans berhak mengelak atau membatalkan, atau telah pun mengelak atau membatalkan polisi itu, penanggung insurans tersebut hendaklah, tertakluk kepada seksyen ini, membayar kepada orang-orang yang berhak mendapat faedah penghakiman itu, apa-apa jumlah wang yang kena bayar di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar berkenaan dengan kos dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan bunga bagi jumlah wang itu menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bunga bagi penghakiman.”

Melalui peruntukan di atas, penghakiman yang perlu dijelaskan oleh pengendali Takaful tidak terhad kepada pampasan akibat kematian atau kecederaan pihak ketiga sahaja. Kos litigasi dan bunga yang diputuskan oleh mahkamah juga perlu dijelaskan bersama. Namun, liabiliti pihak Takaful ini juga bergantung kepada beberapa syarat seperti kemalangan berlaku akibat

⁴⁶ Seperti yang diputuskan dalam kes Mary Colete John v. South East Asia Insurance Berhad [2004] 7 CLJ 314.

kecuaian peserta Takaful atau pemandu yang dibenarkan dalam sijil Takaful sahaja.⁴⁷

TAKAFUL: *QIYĀS KEPADA ‘ĀQILAH?*

Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’ Kerajaan Arab Saudi telah memutuskan bahawa insurans komersial tidak boleh dianggap sebagai ‘āqilah di zaman moden. Berdasarkan hujah yang dinyatakan oleh *Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, dapat difahami bahawa Takaful juga tidak boleh dianggap sebagai *qiyyās* kepada ‘āqilah walaupun wujud persamaan dari segi ‘illah tolong-menolong dengan sistem ‘āqilah menurut perundangan Islam. Ini kerana sistem moden ini, sama ada insurans atau Takaful, mempunyai perbezaan yang besar dengan sistem ‘āqilah. Justeru, *Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’* memutuskan bahawa *qiyyās* di antara ‘āqilah dan insurans atau syarikat Takaful adalah *qiyyās* dengan perbezaan (*qiyyās ma ‘a al-fāriq*).⁴⁸

Antara perbezaan yang dibangkitkan ialah ‘āqilah terbina atas asas pembelaan dan tolong-menolong. Pengendali Takaful pula, selain menawarkan produk perlindungan, turut menawarkan produk pelaburan yang bertujuan menjana keuntungan.⁴⁹ Selain itu, ‘āqilah berperanan menjelaskan diat kepada mangsa atau keluarganya bagi membantu anggotanya yang cuai atau melakukan kesalahan menghilangkan nyawa atau mencederakan secara tidak sengaja. Pengendali Takaful pula menjelaskan pampasan kepada mangsa yang berbeza bentuk, jumlah dan cara penetapannya dengan diat.⁵⁰

Seterusnya, tanggungan ke atas ‘āqilah berlaku atas dasar memberikan keringanan kepada pesalah dan dalam masa yang sama tidak membebankan anggota ‘āqilah.⁵¹ Justeru, keringanan

⁴⁷ Mahinder Singh Sidhu, *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor*, 83.

⁴⁸ *Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, *Abḥāth Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, 4: 208 dan 313.

⁴⁹ Azman bin Mohd Noor dan Mohamad Sabri bin Zakaria, “Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad,” *Jurnal Muamalat* 3 (2010): 15.

⁵⁰ *Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, *Abḥāth Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, 4: 313.

⁵¹ ‘Abd al-Qādir ‘Awdaḥ, *al-Tasyrī’ al-Jinā’ī al-Islāmī*, 1: 673.

diberikan kepada ‘āqilah melalui kaedah pembayaran diat selama tiga tahun secara ansuran.⁵² Tanggungan menjelaskan diat juga dikenakan hanya ke atas anggota ‘āqilah yang berkemampuan sahaja (*ahli al-nuṣrah*) seperti lelaki yang merdeka dan baligh. Wanita, kanak-kanak, orang miskin dan orang yang dibebani hutang dikecualikan daripada menanggung diat.⁵³

Kadar tanggungan diat ke atas setiap anggota ‘āqilah juga dibahagikan mengikut kadar kemampuan anggota masing-masing. Mazhab Syafie dan Hanbali contohnya, menetapkan kadar tanggungan diat sebanyak setengah *mithqāl*⁵⁴ setahun bagi anggota ‘āqilah yang kaya dan suku *mithqāl* setahun bagi golongan pertengahan.⁵⁵ Menurut pandangan dalam mazhab Hanafi pula, kadar yang dikenakan ke atas setiap anggota ‘āqilah pada setiap tahun mestilah tidak melebihi satu dirham atau satu suku dirham.⁵⁶ Ini menjadikan nilai tanggungan setiap anggota ‘āqilah tidak melebihi tiga atau empat dirham bagi tiga tahun pembayaran diat tersebut.⁵⁷

Namun menurut *Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, konsep ini tidak berlaku dalam sistem Takaful moden kerana kadar caruman yang disumbangkan tidak meraikan latar belakang atau kemampuan

⁵² Al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāffī al-Fiqh al-Islāmī*, 420.

⁵³ Muhammad Aḥmad Sarāj, *Damān al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Fiqhīyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas’ūliyyah al-Taqsīriyyah fī al-Qānūn* (Qāhirah: Dār al-Thaqāfah li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1990), 482.

⁵⁴ Berat piawaian yang digunakan bagi menetapkan kadar emas atau perak. Setiap dinar atau *mithqāl* yang sah digunakan sebagai mata wang mestilah seberat 4.25 gram emas 22 karat (juga dikenali sebagai emas 916). Ini berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh Abdul Malik bin Marwan iaitu Khalifah Umayyah yang kelima yang telah mengubah piawaian berat syiling emas yang ditempa daripada 4.55 gram kepada 4.25 gram agar selaras dengan berat satu *mithqāl* yang menjadi standard dalam penentuan nisab zakat dan cukai-cukai lain. Sila rujuk Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Pampasan”, 179 – 180.

⁵⁵ ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, *al-Tasyrī‘ al-Jinātī al-Islāmī Muāranan bi al-Qānūn al-Wadhītī*, 2: 197.

⁵⁶ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 27: 129.

⁵⁷ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 27: 129.

peserta.⁵⁸ Sebaliknya, kadar yang standard ditetapkan. Jika peserta tidak berkemampuan dan tidak membuat pembayaran, maka mereka tidak dilindungi kerana polisi insurans atau sijil penyertaan Takaful mereka menjadi tidak aktif.⁵⁹ Ini bertentangan dengan asas tanggungan ‘*āqilah* iaitu atas dasar bantu-membantu, bekerjasama dan memberikan kebaikan walaupun tanpa imbuhan balas.⁶⁰

Justeru, Takaful dengan bentuk operasinya setakat ini adalah alternatif kepada sistem ‘*āqilah* yang sudah tidak wujud. Implikasinya ialah ia tidak terikat dengan hukum-hakam dan syarat-syarat seperti mana dalam sistem ‘*āqilah* menurut perundangan Islam. Ini kerana Takaful merupakan satu sistem berlainan di zaman moden yang mempunyai sedikit persamaan dan memainkan sebahagian peranan ‘*āqilah*.

ISU FIQH BERBANGKIT: PERCAMPURAN DANA ORANG ISLAM DAN BUKAN ISLAM DALAM TAKAFUL

Selain *al-tanāṣur* atau tolong-menolong, institusi ‘*āqilah* juga terbina atas asas *al-walā’* dalam konteks yang lebih luas. *al-Walā’* bermaksud dokongan, pembelaan, cinta, pemuliaan, penghormatan, bersama-sama orang-orang yang dicintai secara lahir dan batin⁶¹ dan juga tolong-menolong.⁶² Menurut pandangan fuqaha, asas ini memberikan implikasi hukum terhadap keanggotaan ‘*āqilah*.

Berdasarkan perbincangan fuqaha, perbezaan agama menghalang orang Islam dan bukan Islam daripada menjadi anggota ‘*āqilah* sesama mereka.⁶³ Hukum ini difahami daripada

⁵⁸ Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’, *Abḥath Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, 4: 208.

⁵⁹ Azman bin Mohd Noor et.al, “Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad”, 5- 6.

⁶⁰ Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’, *Abḥath Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, 4: 313.

⁶¹ Muhammad Sa’id al-Qahthani, *al-Wala’ wal Bara’ Loyalitas dan Antiloyalitas dalam Islam*, terj. Saifuddin Abu Sayid (Solo: Era Intermedia, 2000), 94.

⁶² ‘Alī bin Nāyif al-Syahūd, *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyāt* (al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28), 7: 25.

⁶³ Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba‘ah*, c. 7 (Qāhirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 2015), 5: 357.

beberapa ayat al-Quran yang melarang seorang Muslim untuk menjadikan orang-orang bukan Islam sebagai teman rapat, memberikan *al-walā'* dan berkasih mesra dengan mereka.⁶⁴ Sebab larangan ini menurut para fuqaha ialah permusuhan orang bukan Islam terhadap Allah, Rasul dan orang-orang yang beriman.⁶⁵ Tegahan ini juga bertujuan mengelakkan orang-orang Islam terpengaruh dengan kekafiran mereka.⁶⁶

Bagi orang-orang bukan Islam pula, para fuqaha berbeza pandangan tentang keanggotaan '*āqilah* mereka. Satu pandangan menyatakan bahawa perbezaan agama menghalang orang bukan Islam daripada menjadi '*āqilah* sesama mereka sekiranya wujud permusuhan atau pertentangan antara agama mereka seperti Yahudi dan Nasrani.⁶⁷ Berdasarkan pandangan ini, '*āqilah* kafir *dhimmī* mestilah dalam kalangan penganut agama yang sama.⁶⁸ Walau bagaimanapun, satu lagi pandangan menyatakan bahawa orang bukan Islam kesemuanya dalam satu agama iaitu kufur, justeru mereka boleh menjadi '*āqilah* sesama mereka walaupun berbeza anutan agama.⁶⁹

Dalam realiti semasa di Malaysia, syarat keanggotaan '*āqilah* ini tidak disyaratkan oleh pengendali-pengendali Takaful. Dana *tabarru'* dalam Takaful yang digunakan bagi membantu mana-mana peserta yang ditimpa musibah, bercampur di antara caruman orang Islam dan bukan Islam. Oleh kerana, institusi Takaful bukan *qiyās* kepada '*āqilah*, hukum dan syarat keanggotaan '*āqilah* tidak wajib terpakai ke atas Takaful. Namun, beberapa persoalan

⁶⁴ Sila rujuk kepada surah Āli ‘Imrān (3): ayat 28; Surah al-Mā’idah (5): ayat 22; Surah al-Mujādalah (58): ayat 22; Surah al-Mumtahanah (60): ayat 1, 2, 3, 4, 8.

⁶⁵ ‘Alī bin Nāyif al-Syahūd (t.t), op.cit, juzuk 7, h. 24. Sila rujuk surah Surah al-Mumtahanah (60): ayat 1.

⁶⁶ ‘Alī bin Nāyif al-Syahūd, *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyāt*, 7: 24. Sila rujuk kepada Surah al-Baqarah (2): ayat 109; Surah al-Nisa’ (4): ayat 89; Surah al-Mumtahanah (60): ayat 2.

⁶⁷ Al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba‘ah*, 5: 357.

⁶⁸ Alḥmad Fatḥī Bahnaṣī, *al-Diyāt fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, 76.

⁶⁹ Ini adalah pandangan yang *azhar* dalam mazhab Syafie. Al-Khāṭib, Muḥammad al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifat Al-fāz al-Minhāj* (Mesir: t.p, 1985), 4.

mengenai larangan tolong menolong dan memberikan pembelaan kepada orang bukan Islam wajar diperincikan.

Muhammad ‘Abduh dalam fatwanya menyatakan bahawa hukum meminta bantuan daripada bukan Islam untuk perkara yang boleh memberi kebaikan dan manfaat kepada orang Islam adalah harus.⁷⁰ Begitu juga dengan menerima hadiah ataupun sedekah daripada mereka kerana Nabi SAW sendiri pernah menerima hadiah daripada orang bukan Islam.⁷¹ Selain itu, orang Islam juga diharuskan memanfaatkan wakaf yang dilakukan oleh orang bukan Islam.⁷²

Berkenaan memberikan bantuan kepada orang bukan Islam yang memerlukan pula, hukumnya juga diharuskan.⁷³ Namun, keharusan ini disertai dengan syarat iaitu mestilah bersesuaian dengan hukum Allah dan Rasul, bebas daripada pengaruh dan fitnah kekafiran serta bukan bertujuan untuk menegakkan syiar-syiar kekafiran.⁷⁴ Selain itu, pertolongan hanya boleh diberikan kepada orang bukan Islam yang tidak memerangi orang-orang Islam.⁷⁵ Ini difahami daripada ayat al-Quran berikut:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ لَمْ يُعَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَمَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ وَتَقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Terjemahan: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

al-Mumtahinah (60): 8

⁷⁰ Muhammad ‘Abduh, *Fatāwā al-Azhar* (al-Maktabah al-Syamilah versi 3.28), 60.

⁷¹ Muhammad ‘Abduh, *Fatāwā al-Azhar*, 60.

⁷² Muhammad Sa’id al-Qahthani, *al-Wala’ wal Bara’*, 383.

⁷³ ‘Alī bin Nāyif al-Syahūd, *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyāt*, 1: 180.

⁷⁴ Muhammad Sa’id al-Qahthani, *al-Wala’ wal Bara’*, 384; Muhammad ‘Abduh, *Fatāwā al-Azhar*, 60.

⁷⁵ ‘Alī bin Nāyif al-Syahūd, *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyāt*, 1: 180. Sila rujuk Jalaluddin al-Sayuti, *Asbabun Nuzul Sejarah Turunnya Ayat-ayat al-Quran*, terj. K.H.Q. Saleh et.al (Kuala Lumpur: Victory Agency, 2004), 791.

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami bahawa larangan berbuat baik dan berlaku adil ialah kepada orang-orang kafir yang memusuhi orang-orang Islam. Larangan *muwālah* juga ialah pada apa yang dituntut oleh Islam untuk membencinya.⁷⁶ Selain daripada konteks ini, seorang Islam dan bukan Islam dibenarkan berkerjasama untuk kebaikan. Antaranya seperti tolong-menolong dari sudut kewangan, memberi makan, menegakkan hak, menghapuskan kebatilan, membantu orang yang dizalimi dan menolak bahaya daripada menimpa manusia.⁷⁷ Bahkan dalam hal-hal berkenaan keselamatan dan perlindungan, pemerintah Islam wajib memberikan jaminan pembelaan terhadap kaum kafir *dhimmī* serta *musta'min*. Orang-orang Islam juga dilarang untuk menyakiti dan menzalimi orang-orang bukan Islam yang tidak memerangi Islam dalam apa jua keadaan.⁷⁸

Justeru, penulis menyimpulkan bahawa dana Takaful yang bercampur baur di antara caruman Muslim dan kafir harus digunakan untuk membantu mana-mana peserta yang ditimpa musibah walaupun berbeza agama. Tolong-menolong yang berlaku di dalam Takaful masih dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syara' iaitu untuk membela hak mangsa akibat kemalangan jalan raya. Tidak timbul isu *al-walā'* dalam Takaful kerana pertolongan yang berlaku dalam Takaful bukan berlaku atas dasar kecintaan dan kasih sayang antara ahli-ahlinya. Bahkan para peserta juga tidak saling mengenali antara satu sama lain.

PENUTUP

Dalam konteks semasa, syarikat Takaful telah memainkan sebahagian daripada peranan '*āqilah*' iaitu menjelaskan pampasan kepada pihak ketiga akibat perbuatan cuai pesertanya. Peranan ini dilaksanakan atas dasas tolong-menolong di kalangan peserta yang membuat caruman. Walau bagaimanapun, syarikat Takaful bukan *qiyyās* kepada institusi '*āqilah*'. Ini kerana ia wujud perbezaan besar di antara kedua-dua institusi ini. Justeru, pengendali Takaful semasa hanyalah alternatif terbaik kepada institusi '*āqilah*' semasa

⁷⁶ Muhammad 'Abduh, *Fatāwā al-Azhar*, 60.

⁷⁷ Muhammad Ṣalīḥ al-Munjid, *Fatāwā al-Islām Su'āl wa Jawāb* (al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28), 1: 2837.

⁷⁸ Al-Munjid, *Fatāwā al-Islām Su'āl wa Jawāb*, 1: 2837.

yang tidak lagi kukuh hubungannya dan tidak mampu berperanan sebagaimana pada zaman awal Islam dahulu. Pengendali Takaful juga tidak terikat dengan segala hukum-hakam yang disyaratkan seperti aspek keanggotaan, skop tanggungan dan sebagainya. Ini bermakna, dana Takaful yang bercampur baur daripada caruman peserta Islam dan bukan Islam boleh digunakan bagi menjelaskan pampasan kepada pihak ketiga bagi membantu mana-mana peserta Takaful yang cuai dalam pemanduan di jalan raya. Walaupun syarikat Takaful bukan merupakan *qiyyās* kepada institusi ‘āqilah dalam perundangan Islam, penambahbaikan kepada operasi syarikat Takaful dalam menjelaskan pampasan kepada pihak ketiga tetap wajar dilakukan. Peranan institusi ‘āqilah bagi menjamin hak pihak mangsa bagi kes kehilangan nyawa dan kecederaan akibat kecuaian, wajar dikaji dengan lebih mendalam dan dicontohi bagi menepati *maqāṣid al-syārī‘ah* yang dijaga melalui pensyariatannya.

RUJUKAN

- Abdul Basir Mohamad, *Undang-undang Tort Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Abū Dāwūd Sulaymān bin al-‘Asy‘at. *Sunan Abī Dāwūd*. Ed; al-Sayyid Muḥammad al-Sayyid, ‘Abd al-Qādir ‘Abd al-Khayr dan Sayyid Ibrāhīm. Al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2010.
- Aḥmad Fathī Bahnāsī. *Al-Diyāt fī al-Syārī‘ah al-Islāmiyyah*, c.4 (Qahirah: Dār al-Syurūq, 1984).
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).
- Akta Takaful 1984 (Akta 312).
- Al-‘Aysāwī, Najim ‘Abd Allāh Ibrāhīm. *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf fī al-Fiqh al-Islāmī*. Dubai: Dār al-Buhūth li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa Ihyā’ al-Turāth, 2002.
- Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān. *Al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*. Cet. 7. Qāherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 2015.
- Al-Khāṭib, Muḥammad al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifat Alfāz al-Minhāj*. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabi wa Awlāduhu, 1985.

- Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah.* Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, t.t.
- Al-Munjid, Muhammad Ṣalīḥ. *Fatāwā al-Islām Su’āl wa Jawāb.* Al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28.
- Al-Qazwinī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd. *Sunan Ibn Majjah.* Ed. ‘Imād Zakī al-Bārūdī. al-Qāhirah: Dār al-Tawfiqiyah li al-Turāth, 2010.
- Al-Sarakhsī, Syams al-Dīn. *Al-Mabsūt.* Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, t.t.
- Al-‘Umārī, ‘Abd al-Qādir Muḥammad. “Ḥawādith al-Sair” dalam *Majallah Majmā‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin.* Jeddah: Majma‘ Fiqh al-Islāmī, 1994.
- ‘Alī al-Khaṭīf. *Al-Damān fī al-Fiqh al-Islāmī* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 2000).
- ‘Alī bin Nāyif al-Syahūd. *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyāt.* Al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28.
- ‘Awdaḥ, ‘Abd al-Qādir. *Al-Tasyrī al-Jinātī al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Wadhītī.* Bayrut: Mu’assasah al-Risālah, 2000.
- Azman bin Mohd Noor dan Mohamad Sabri bin Zakaria. “Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad.” *Jurnal Muamalat* 3 (2010).
- Baduyah Obeng. “Insurans Motor Pihak Ketiga yang Diwajbkan di Malaysia”. [1998] 1 CLJ Supp i.
- Bank Negara Malaysia. <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&fund=0&cu=0>. Capaian pada 8 April 2015.
- Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’ bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah. *Abḥāth Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’.* Al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28.
- Idris Awang dan Syukriyyah Zakaria. “The Conception and Response of Muslim Community to Takaful Schemes: A Case Study in Bagan Serai, Perak”. *Jurnal Fiqh* 2 (2005).

Takaful sebagai Alternatif kepada ‘Aqilah dalam Menjelaskan Pampasan kepada Pihak Ketiga: Perbincangan Isu-isu Fiqh Berbangkit

Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*.

Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn ibn Ibrāhīm. *Al-Bahr al-Rā’iq Syarḥ Kanz al-Daqā’iq fī Furū’ al-Ḥanafiyah li ‘Abd Allāh Ibn Ahmad Ibn Maḥmūd al-ma’ruf bi Ḥāfiẓ al-Dīn al-Nasaṭī*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

Jalaluddin al-Sayuti. *Asbabun Nuzul Sejarah Turunnya Ayat-ayat al-Quran*. Terj. K.H.Q. Saleh et.al. Kuala Lumpur: Victory Agency, 2004.

Kamus Undang-undang. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1995.

Liaquat Ali Khan Niazi. *Islamic Law of Tort*. Lahore: Research Cell Dayal Sigh Trust Library, 1988.

Lukman Abdul Mutalib. “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia.” Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Unievrtsiti Malaya, 2004.

Mahinder Sigh Sidhu. *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor dan Hak Pihak Ketiga*. Terj. Asiah Mohd. Yusoff. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Mary Colete John v. South East Asia Insurance Berhad [2004] 7 CLJ 314.

Mohamad A’sim bin Ismail. “Tanggungjawab Pengendali Takaful.” Dalam sesawang rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia. <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/8358-tanggungjawab-pengendali-Takaful>. Capaian pada 1 April 2015.

Mohd Faez bin Mohd Shah al-Hashimi. *Sistem Perwarisan Menurut Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2013.

Mohd Faiz Mohamed Yusof, et. al. “Potensi Keterdedahan Risiko Syariah Syarikat Pengendali Takaful Terpilih di Malaysia, *Islāmiyyāt* 37 (2)(2015): 113 – 124.

Mohd Ma’sum Billah. *Shari’ah Standard of Quantum of Damages in Insurance (Third Party Claim) A Handbook for Actuaries and Accountants*. Selangor: Ilmiah Publisher, 2003.

Mohd Saleh Haji Ahmad. *Pengantar Syari’at Islam*. Kepong: Pustaka Haji Abdul Majid.

- Muhammad Aḥmad Sarāj. *Damān al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsaḥ Fiqhiyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas’ūliyyah al-Taqṣīriyyah fī al-Qānūn*. Qāhirah: Dār al-Thaqāfah li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 1990.
- Muhammad ‘Abduh. *Fatāwā al-Azhar*. Al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28.
- Muhammad ‘Aṭā al-Sīd Sīd Aḥmad. “Hawādith al-Sair.” Dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin*. Jeddah: Majma‘ Fiqh al-Islāmī, 1994.
- Muhammad Muslehuddin. *Concept of Civil Liability in Islam and The Law of Torts*. Lahore: Islamic Publications Ltd., 1982.
- Muhammad Sa’id al-Qahthani. *al-Wala’ wal Bara’ Loyalitas dan Antiloyalitas dalam Islam*, terj. Saifuddin Abu Sayid. Solo: Era Intermedia, 2000.
- Sayed Sikandar Shah Haneef. *Homicide in Islamic Legal Structure and The Evidence Requirements*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2000.
- Siti Zubaidah Ismail. “Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam.” Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005.
- Subhi Mahmasani. *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman Khulafa’ al-Rashidin*. Terj. Md Som Sujimon. Ttp: IIUM Press, 2009.
- Tan Keng Hong & Anor v. New India Insurance Co. Ltd [1978] 1 MLJ 97.
- Wan Marhaini Wan Ahmad, et. al. “Riba dan Gharar dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh”. *Jurnal Fiqh* 2 (2005).